

CNS1795

U GB 16-12 00222 BA088

bah

Mahathir - Parlimen

PERSIDANGAN KHAS PARLIMEN PADA 18, 19 DAN 20 JAN, KATA PH

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Kabinet hari ini membuat keputusan untuk mengadakan persidangan khas Parlimen pada 18, 19 dan 20 Jan bagi membincangkan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Dewan Rakyat akan mengadakan persidangan khas itu pada 18 dan 19 Jan manakala Dewan Negara pada 20 Jan.

Katanya, Menteri Undang-undang Datuk Syed Hamid Albar diarah mengemukakan segera notis kepada kedua-dua Dewan itu selaras dengan peraturan yang menghendaki supaya Parlimen diberitahu mengenai sesuatu persidangan khas 28 hari sebelum tarikh ia hendak diadakan.

Mesyuarat kabinet itu bagaimanapun tidak membincangkan secara khusus pindaan yang akan dibuat kepada perlembagaan itu, katanya ketika ditanya pemberita di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Sungai Besi di sini.

Dr Mahathir berlepas ke Singapura untuk menemui Timbalan Pertama Perdana Menteri republik itu, Brig-Jen Lee Hsien Loong. Sekembalinya dari Singapura lewat petang ini beliau akan ke Johor Baharu untuk menemui pemimpin UMNO Johor, anggota Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dari Barisan Nasional (BN) negeri itu.

Sabtu lepas, Dewan Tertinggi BN telah membuat keputusan supaya kerajaan meminda Perlembagaan Persekutuan bagi melucutkan kekebalan raja-raja di sisi undang-undang dan perkara-perkara yang boleh menjejaskan pindaan itu. -- Lagi.

♥16/12/15-33MST

R GB 16-12 00174 BA089

bah

Mahathir - Parlimen 2 Kuala Lumpur

Cadangan itu dibuat berikutan aduan polis oleh jurulatih hoki Maktab Sultan Abu Bakar (MSAB), Johor Baharu, Douglas Gomez, yang mendakwa dipukul Sultan Johor di Istana Bukit Serene, Johor Baharu pada 30 Nov lepas.

Gomez dikatakan dipanggil menghadap Sultan setelah dia mengkritik Persatuan Hoki Johor berhubung arahan penarikan diri MSAB daripada pertandingan separuh akhir Kejohanan Hoki Antara Juara-juara Sekolah Malaysia di sini pada 25 Nov lepas.

Berikutan dakwaan Gomez itu, pada 10 Dis Dewan Rakyat meluluskan sebulat suara usul yang dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba yang antara lain membuat ketetapan supaya diambil langkah untuk menjamin kejadian seumpama itu tidak berulang lagi.

Pada malamnya Majlis Tertinggi UMNO mengadakan mesyuarat tergepar dan bersetuju supaya bersama-sama BN mendesak Kabinet meminda Perlembagaan Persekutuan untuk melucutkan kekebalan raja-raja di sisi undang-undang.

Ketika ditanya sama ada mesyuarat kabinet hari ini membuat keputusan mengenai perkara mana yang akan dipinda dalam Perlembagaan itu, Dr Mahathir berkata: +Belum ditentukan lagi.+ -- Lagi.

♥16/12/15-44MST

U GB 16-12 001'30 BA090

bah

Mahathir - Parlimen 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga ditanya mengapa kerajaan tidak mengadakan rapat umum bagi mendapatkan sokongan rakyat untuk meminda Perlembagaan Persekutuan, seperti yang dilakukannya pada 1983.

Katanya, rapat umum seumpama itu tidak perlu kerana kerajaan yakin raja-raja akan menerima pindaan yang dicadangkan itu.

+Mereka (raja-raja) juga sedar bahawa zaman sudah berubah dan cara-cara lama tidak boleh diterima lagi. . . immunity (kekebalan) tidak perlu ada, - katanya.

Ketika menjawab soalan lain, beliau berkata beliau berpendapat akhbar tempatan telah memainkan peranan mereka dengan penuh bertanggungjawab dalam isu membabitkan istana ketika ini.

+Saya berpendapat press (akhbar) memainkan peranan yang penting untuk menjelaskan keadaan dan tidak mendesak untuk menghapuskan sistem beraja. Mereka (akhbar) cuma memberi penjelasan sahaja, + katanya. -- Lagi.

♥16/12/16-07MST

CNS1855

U GB 16-12 00104 BA091

bah

Mahathir - Parlimen 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau berpendapat langkah menjelaskan keadaan sebenar berhubung isu itu oleh akhbar adalah baik kerana ia dapat menghilangkan kekeliruan di kalangan rakyat, terutama bagi mereka yang tidak tahu sebab pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan perlu dibuat.

Ditanya sama ada mesyuarat Kabinet hari ini turut membincang soal lesen mengadakan stesen radio yang diberikan kepada Istana Johor, Dr Mahathir berkata perkara itu tidak ditimbulkan.

Mengenai pertemuannya dengan Lee di Singapura, Dr Mahathir berkata, ia hanyalah kunjungan biasa.

Lee kini menjalani rawatan kimoterapi setelah disahkan menghidap barah. -- Bernama.

♥16/12/16-23MST